

Siti Khadijah Mohammad Asnawi juara Peraduan Mari Bercerita



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, Penghulu Mukim Kota Batu hadir selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah kepada Dayang Siti Khadijah binti Mohammad Asnawi dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Mohd. Jaafar (SRDRHMJ) Kiarong yang muncul juara Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah Brunei Muara 2017.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Khamis, 27 April. - Dayang Siti Khadijah binti Mohammad Asnawi dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Mohd. Jaafar (SRDRHMJ) Kiarong, muncul juara Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah Brunei Muara 2017 yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Juara yang menyampaikan cerita berjudul 'Ratapan Anak Tiri' berjaya membawa pulang wang tunai BND500, hadiah iringan dan sijil selepas mengalahkan sembilan peserta lain.

Tempat kedua dimenangi juga oleh pelajar SRDRHMJ, Dayang Siti Maisarah binti Mohammad Asnawi, manakala Dayangku Amirah Syahirunnisa' binti Pengiran Haji Yahya dari Sekolah St. Andrew memperolehi tempat ketiga.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu

kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu.

Peraduan Mari Bercerita merupakan salah satu projek tahunan DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang antara lain diadakan bertujuan untuk menjunjung tihah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan celik ilmu pengetahuan dalam program pembangunan negara.

Di samping itu, peraduan tersebut juga bertujuan untuk memupuk semangat membaca dalam kalangan kanak-kanak juga menjadikan cerita sebagai sumber imaginasi dan inspirasi bagi menjana kreativiti semasa menyampaikan cerita serta sebagai wahana latihan kepada kanak-kanak supaya berani bercakap di hadapan khalayak ramai.

Pengusaha dipelawa menguruskan kedai runcit di Kawasan Taman Teknologi Anggerek Desa

Siaran Akhbar dan Infografik : Darussalam Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 April. - Darussalam Enterprise (DARE) mempelawa pengusaha untuk menguruskan kemudahan kontena jualan makanan dan minuman serta barangan runcit di Kawasan Taman Teknologi Anggerek Desa.

Terletak bersebelahan dengan bangunan iCentre, ruang tersebut terdiri dari tiga kawasan, iaitu 20 x 8 kaki bagi penjual makanan, empat unit seluas 10 x 8 kaki bagi jualan runcit dan ruang makan bagi pelanggan.

Para pemohon yang terdiri daripada bakal pengusaha tempatan akan dapat mengekalkan kualiti dan kebersihan kemudahan yang diberikan, di samping menyelenggarakan aktiviti-aktiviti rangkaian serta promosi.

Kemudahan baru tersebut adalah bertujuan untuk mewujudkan peluang bagi perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) yang berdaftar di bawah ROCBN, dan beroperasi kurang dari setahun.

MSMEs akan dapat menguji dan mengesahkan produk mereka dalam penetapan pasaran yang sebenar dengan kadar bayaran sewa yang berpatutan sebagai landasan untuk menimba pengalaman untuk masa hadapan.

Operasi kemudahan baharu itu



TAMAN Teknologi Anggerek Desa (ADTP) akan dibukakan kepada pengusaha sebagai tempat perniagaan makanan dan minuman.

bermula pada bulan Ramadan dan bagi para pengusaha yang berminat boleh menghantar e-mel cadangan mereka ke dare@ei.gov.bn atau menyerahkan sendiri ke Business Support Centre, aras satu di Design and Technology Building di Anggerek Desa.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 8 Mei 2017.

Kurapak Kitani bincang punca stress pelajar

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)



PEGAWAI Kaunselor Hal Ehwal Pelajar UNISSA, Dayang Norsadiyah binti Matarsad selaku tetamu kehormat (tengah) ketika menyampaikan cenderahati kepada Pegawai Psikologis, Bahagian Perkhidmatan Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan, Dayang Nur Hazwana binti Haji Mohd. Zain (kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Sesi 'Kurapak Kitani' Siri Keenam berlangsung di Auditorium, UNISSA 22 April lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Kaunselor Hal Ehwal Pelajar UNISSA, Dayang Norsadiyah binti Matarsad.

Sesi 'Kurapak Kitani' kali ini telah disampaikan oleh Pegawai Psikologis dari Bahagian Perkhidmatan Psikologi Klinikal dari Kementerian Kesihatan, Dayang Nur Hazwana binti Haji Mohd. Zain, dengan tajuk 'Stress? Chill Saja Bah'.

Sementara moderatornya pula ialah Dayang Siti Diyanatul Widad binti Haji Ismat.

Antara intipati tajuk berkenaan ialah punca-punca tekanan (*stress*) seorang pelajar adalah dari persekitaran, keperibadian dan kesihatan. Secara umumnya, tekanan (*stress*) amat sukar untuk diatasi, akan tetapi seseorang itu perlu berusaha untuk mengawalinya dengan cara bersenaman dan makan makanan yang seimbang.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk mewujudkan perbincangan yang bertepatan dengan kondisi mahasiswa dan mahasiswi serta memberi kefahaman tentang isu *stress* khususnya untuk mahasiswa dan mahasiswi yang akan menghadapi peperiksaan.

Makluman tambahan penutupan jalan raya pada Program Bandarku Ceria

Siaran Akhbar : Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 April. - Berikutan sambutan orang ramai yang menggalakkan pada Program Bandarku Ceria, maka Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin akan dilanjutkan penutupannya sehingga jam 12.00 tengah hari bermula pada Ahad, 30 April 2017.

Di samping itu, Jalan Pemanca,

Jalan Pretty dan Jalan Elizabeth II telah dibukakan bagi aktiviti berjaja sehingga jam 6.00 Petang.

Penutupan jalan-jalan berkenaan adalah bagi memberikan kemudahan dan kesempatan kepada orang ramai untuk berkunjung ke Bandarku Ceria serta menggalakkan peniaga-peniaga kecil untuk membuat aktiviti jualan mereka pada waktu tersebut.

Program Bandarku Ceria bertujuan untuk menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* dan unggul di mana pada program tersebut merupakan hari tanpa kereta di kawasan pusat Bandar Seri Begawan, yang mana sebelum ini beberapa jalan raya di kawasan Bandar Seri Begawan telah pun ditutup di antara 6.00 pagi hingga 10.00 pagi setiap Ahad mulai 2 Oktober 2016 yang lalu.